

Untuk laksanakan program ijazah sarjana muda

UMS-KYS meterai persefahaman

UM 19.09.2012 26

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA
pengarang@utusan.com.my

KOTA KINABALU 18 Sept. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kolej Yayasan Sabah (KYS) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi melaksanakan program-program pengajian ijazah sarjana muda.

Pada majlis itu, UMS diwakili Naib Canselornya, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah manakala KYS diwakili Pengerusi Lembaga Pengarah KKYS Sdn. Bhd., Datuk Kamal Quadra.

Dalam ucapannya, Mohd. Harun berkata, kerjasama itu merupakan pemacu utama terhadap usaha kedua-dua pihak meningkatkan jumlah dan kualiti sumber manusia yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang.

"Kita memerlukan modal insan yang mempunyai kepakaran dalam

bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan perniagaan dan kewangan.

"Sehubungan itu, MoU ini akan menjadi pemacu dan pelaksana kepada segala usaha yang dirancang memandangkan ia sejajar dengan pelan transformasi kerajaan itu sendiri," katanya pada majlis menandatangani MOU itu, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Yayasan Sabah, Tan Sri Datu Khalil Jamalul.

Mohd. Harun menambah, program ijazah sarjana muda pertama yang akan diperkenalkan di KYS ialah Teknologi Kejuruteraan khusus dalam bidang Teknologi Automotif dan Teknologi Binaan Bangunan.

Menurutnya, UMS melalui Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) akan membantu KYS dalam program pengurusan teknologi maklumat dan



MOHD. Harun Abdullah (dua dari kanan) dan Kamal Quadra bertukar dokumen pada majlis MoU program ijazah sarjana muda di Kota Kinabalu, baru-baru ini. - UTUSAN/SITI NOR AZIZAH TALATA

pengurusan perniagaan dan kewangan.

"Saya yakin SKTM dan SPE akan

dapat membantu KYS dalam membangunkan program-program tersebut di peringkat ijazah sarjana mu-

da. Semua program ini akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat," katanya.